



LEMBARAN MAKLUMAT

Mastera 2025: Sastera Global Selatan

Majlis Bahasa Melayu Singapore bakal menjadi tuan rumah bagi Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) pada tahun ini. Sebagai tuan rumah, Mastera Singapura akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan Sidang ke-29 Mastera dari 9 hingga 12 September 2025.

Sebagai wakil Mastera Singapura, MBMS akan menyambut delegasi dan wakil-wakil dari negara anggota Mastera - Brunei Darussalam, Indonesia, dan Malaysia untuk pelbagai program-program sastera.

Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT)

Tarikh: 9 hingga 10 September 2025

Waktu: 9.30pg - 5.30ptg

Tempat: The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara

SAKAT akan diadakan di The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara pada 9 dan 10 September 2025. Pakar dan wakil-wakil dari negara anggota Mastera akan membentangkan makalah mereka yang bertemakan "Sastera Global Selatan". Sesi perbincangan dan soal jawab akan diadakan setelah selesai setiap sesi SAKAT.

Sila lihat **Lampiran A** untuk atur cara penuh SAKAT 2025. Anda boleh mendaftarkan diri untuk SAKAT melalui pautan berikut: go.gov.sg/sakat2025.

Majlis Perasmian Mastera 2025

Tarikh: 10 September 2025

Waktu: 3.00pm – 4.00pm

Tempat: The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara

Majlis Perasmian Mastera 2025 akan dirasmikan oleh tetamu kehormat, Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Jawatankuasa Bulan Bahasa. Majlis ini juga akan menampilkan Encik Hamed Ismail, penerima Anugerah Tun Sri Lanang 2020/2021 yang akan menyampaikan ucaptamanya bertajuk "Sastera Nusantara melawan kolonialisme dan hegemoni Barat – mengangkat nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan, bersama penulis-penulis serantau dari Global Selatan".

Majlis ini akan turut mengadakan Penyampaian Hadiah Terjemahan Mastera 2025. Para pemenang Hadiah Terjemahan Mastera dari setiap negara anggota Mastera akan menerima wang tunai S\$3,000 dan sebuah trofi. Majlis juga akan diserikan dengan lantunan puisi oleh para sasterawan dan sebuah persembahan tarian.



Sidang ke-29 Mastera

Rangkaian aktiviti Mastera 2025 akan berakhir dengan Sidang ke-29 Mastera. Mastera Singapura akan menganjurkan mesyuarat tertutup yang akan dihadiri oleh delegasi dan wakil-wakil dari negara anggota Mastera.



Lampiran A

SAKAT Sesi 1

Tarikh:	9 September 2025
Masa:	9.00pg – 10.30pg
Pemakalah 1:	Prof. Dr Abdul Halim Ali (Malaysia) <i>Mengantarabangsakan Teori-Teori Sastera Malaysia</i>
Pemakalah 2:	Puan Liyana Nasyita (Singapura) <i>Bukan Setakat Puitika: Penulis Abad ke-19 dan Produksi Ilmu</i>
Moderator:	Sdr Rashikin Rajah

SAKAT Sesi 2

Tarikh:	9 September 2025
Masa:	11.00pg – 12.30tgh
Pemakalah 1:	Dr Ena Herni binti Wasli (Brunei) <i>Cerita Lisan Brunei sebagai Naratif Global Selatan: Menjambatani Warisan dan Wawasan melalui Pedagogi Persembahan</i>
Pemakalah 2:	Dr. Ganjar Harimansyah, S.S., M.Hum. (Indonesia) <i>Sastra dan Nasionalisme di Global Selatan: Antara Ideologi dan Daya Tahan Kultural</i>
Moderator:	Sdr Muhd Ilyia Kamsani

SAKAT Sesi 3

Tarikh:	9 September 2025
Masa:	2.30ptg – 4.00ptg
Pemakalah 1:	Dr Abang Patdeli bin Abang Muhi (Malaysia) <i>Hakikat Global Selatan dan Keberadaan Persuratan Melayu: Peranan Sasterawan dan Prakarsa Kerajaan</i>
Pemakalah 2:	Sdr Amirul Hakim Ibrahim (Singapura) <i>Perisai Global Selatan: Sastera Profetik Dalam Karya Faisal Tehrani</i>
Moderator:	Cik Annaliza Bakri

SAKAT Sesi 4

Tarikh:	10 September 2025
Masa:	9.30pg – 11.30pg
Pemakalah 1:	Tuan Haji Maarof Salleh (Singapura) <i>Renungan ke Atas Sastera Global Selatan</i>
Pemakalah 2:	Prof. Dr. H. Abdul Wachid B.S., M.Hum. (Indonesia) <i>Gerakan Kultural dan Intelektual: Mendengar Suara Zaman dalam Puisi</i>
Pemakalah 3:	Dr Haji Mohd Ali bin Haji Radin (Brunei) <i>Perjuangan Melawan Hegemoni: Kuasa dan Identiti dalam Terbenamnya Matahari Karya Muslim Burmat dari Perspektif Global Selatan</i>
Moderator:	Puan Miranti Silasudjana

Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.